

ABSTRAK

Secara keseluruhannya disertasi ini merupakan kajian berkaitan bidang leksikologi, iaitu kajian makna perkataan Arab dan Melayu yang mengkhususkan kepada istilah-istilah di bidang kekeluargaan dan kemasyarakatan. Ia dimulai dengan kajian secara umum tentang makna, ciri-ciri makna serta kepentingannya dalam menentukan padanan makna, serta faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan makna dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Seterusnya kajian ini cuba mengumpul data-data berbentuk istilah-istilah kekeluargaan dan kemasyarakatan yang wujud kesukaran dalam menentukan padanan maknanya dalam bahasa Arab dan Melayu. Cadangan diberikan berbentuk padanan makna yang paling hampir berserta hujah-hujah terhadap pemilihan padanan makna tersebut. Seterusnya kajian mendapati bahawa tiada padanan makna yang betul-betul tepat bagi dua atau lebih perkataan. Ia disebabkan faktor perbezaan budaya yang mempengaruhi peristilahan bagi sesuatu bahasa. Bagi ruang lingkup keluarga dan masyarakat pula, bahasa Melayu dilihat mempunyai istilah-istilah yang lebih terperinci dari sudut kata panggilan, kata gelaran dan kata sapaan berbanding bahasa Arab.

ABSTRACT

On the whole of this dissertation concerned on lexicology between the words Arabic and Malay specialise to the Familiarisation and Socialisation. Firstly with the research on the full meaning of words and the differences of every factor in languages in Arabic and Malay. Further more these research trying to collect the datas the meaning of Familiarisation and Socialisation in Arabic and Malay. The purposal given equivalent to the nearest meaning and the selected phrase. As the result the researcher cannot find with truth result. This factor is due to be in differences of culturer Languages and there to the Malay words have the unique meaning in phrases compare to the Arabic. Apparently for family and society, Malays language has specific terms compared to Arabic.

PENGHARGAAN

Syukur dan puji setinggi-tingginya diucapkan ke hadrat Allah Yang Maha Kuasa, yang telah melimpahkan rahmatnya dengan memberikan kekuatan, keupayaan serta semangat kepada penulis dalam usaha menyiapkan disertasi ini.

Penghargaan buat Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik Prof. Dr. Azirah bt. Hashim dan kakitangan Fakulti Bahasa dan Linguistik. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada penulis sehingga berjaya menyiapkan disertasi ini.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat yang berbahagia Dr. Mohd. Zaki b. Abd Rahman selaku penyelia disertasi ini yang telah banyak memberikan bimbingan, panduan, tunjuk ajar dan semangat kepada penulis bagi menyiapkan disertasi ini. Segala ilmu yang dicurahkan amat bermakna. Semoga segala yang diberikan mendapat keberkatan Allah s.w.t .

Setinggi-tinggi penghargaan buat isteri tercinta Rohaiza bt Amiruddin kerana telah banyak berkorban dan sama-sama membantu penulis dalam usaha menyiapkan disertasi ini serta semangat yang tidak pernah putus buat penulis. Buat anakanda yang amat di kasihi Emir El-Abqariy kehadiranmu

menambahkan kekuatan serta membangkitkan semangat penulis yang suatu ketika dahulu telah hampir padam. Penghargaan dan terima kasih juga buat bonda tercinta Hajjah Zaayah bt. Mohammad kerana telah banyak memberikan galakan buat penulis sepanjang proses penulisan disertasi ini. Doa dan restu dari bonda juga adalah kekuatan buat penulis. Buat ayahanda Allahyarham Ahmad b. Mohd Tahir anakanda doakan semoga roh ayahanda ditempatkan bersama orang-orang yang beriman. Tidak lupa juga buat ayahanda mertua Haji Amiruddin B. Awang Mohamed dan bonda mertua Hajjah Shamsiah bt. Ibrahim yang turut membakar semangat penulis bagi mengharungi pelbagai cabaran bagi menyiapkan disertasi ini. Buat kekanda-kekanda, Ngah, De dan Kak Tam doa kalian amat bermakna.

Tidak lupa ucapan terima kasih buat saudara-mara, rakan-rakan dan semua pihak yang secara langsung atau tidak langsung memberi sumbangan kepada penulis sehingga berjaya menyiapkan disertasi ini.

Kamarul Azmi b. Ahmad
Lot 67 R KM 8
Kampung Temin 27000
Jerantut Pahang.